

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 21/03/2008

PKR mahu Agenda Ekonomi Malaysia ganti DEB

SHAH ALAM 21 Mac -Angkatan Muda Keadilan (AMK) Selangor menyokong penuh cadangan kerajaan negeri untuk menghapuskan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan menggantikannya dengan Agenda Ekonomi Malaysia (AEM).

Ketuanya, Halimey Abu Bakar berkata, ini kerana AEM bertujuan membantu semua kaum secara lebih adil berbanding DEB yang didakwa tidak memberi manfaat kepada rakyat secara keseluruhan.

Beliau berkata, walaupun pihaknya menyokong DEB dihapuskan di Selangor, ia tidak bermakna Parti Keadilan Rakyat (PKR) menafikan hak istimewa orang Melayu.

"Sebaliknya, AEM yang dicadangkan oleh PKR adalah lebih baik dan ia tetap memelihara dan melindungi hak orang Melayu, agama Islam dan kedaulatan Raja-raja Melayu," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Sehubungan itu, kata beliau, pihaknya sedia menjemput Pergerakan Pemuda UM-

Um - 22/3/2008
NQ Selangor untuk mengadakan sesi dialog mengenai isu-isu berkaitan DEB dan kenapa PKR menyokong dasar itu dihapuskan.

Dalam perkembangan lain, Halimey berkata, pihaknya akan memastikan kerajaan negeri melaksanakan gaji minimum RM1,500 seperti dijanjikan dalam manifesto Pilihan Raya umum Ke-12.

Katanya, sungguhpun janji itu bertindih dengan bidang kuasa kerajaan Pusat, pihaknya akan memastikan pelaksanaan gaji

minimum itu dapat dilakukan untuk manfaat rakyat berbilang kaum.

Beliau berkata, AMK juga mencadangkan kepada kerajaan Selangor supaya menubuhkan Majlis Permuafakatan Majikan, Kesatuan Sekerja dan Kerajaan Negeri bagi merealisasikan janji itu.

"Kita yakin di peringkat negeri kita mampu melaksanakan gaji minimum kepada pekerja kerana Selangor ini merupakan negeri yang kaya," ujarnya.